

05 SEP 1997

Taib-Bakun

PENANGGUHAN PROJEK BAKUN TIDAK BERI KESAN KEPADA SARAWAK, KATA TAIB

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud berkata penangguhan projek hidroelektrik Bakun bernilai RM13.6 bilion tidak akan menjejaskan Sarawak.

"Bagi saya tak jadi masalah... ia (projek itu) dah mula dan kita boleh laksanakannya secara perlahan dan tidak mebebankan negara.

"Ia projek nasional dan bukan Sarawak. Di Sarawak kita sudah mengambil langkah menjamin bekalan elektrik yang mencukupi di negeri itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Beliau diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi bahawa tiga projek mega ditangguhkan berikutan masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Selain projek hidroelektrik Bakun, dua projek lain ialah Kuala Lumpur LinearCity di sini dan Lapangan Antarabangsa Wilayah Utara di Kuala Muda, Kedah.

Taib berkata beliau tahu mengapa projek itu ditangguhkan kerana ia melibatkan masalah negara seperti kejatuhan pasaran saham dan nilai ringgit.

"Keputusan ini (penangguhan projek itu) baru diputuskan kerajaan pusat. Saya tahu ia ditangguhkan akibat implikasi keadaan negara sejak 10 hari lepas," katanya.

Beliau berkata daripada 2,000 megawatt bekalan elektrik yang dijanakan di Sarawak, jumlah yang digunakan untuk negeri itu sedikit sahaja.

Taib juga berkata kerajaan negeri akan berbincang dengan kerajaan pusat mengenai penangguhan itu kerana butiran terperinci mengenainya belum diputuskan lagi. --BERNAMA

ARA NAK